

Treler rempuh 11 kenderaan bawa muatan berlebihan

Johor Bahru: Lori treler yang merempuh 11 kenderaan di Tambak Johor di sini, Khamis lalu didapati membawa muatan melebihi had ditetapkan ketika kemalangan itu berlaku.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, perkara itu diperolehi oleh pihak polis selepas pemeriksaan ke atas lori terbabit dibuat di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom).

Beliau berkata, selain itu, siasatan berhubung masalah teknikal lain seperti masalah brek sedang dijalankan.

“Kita sedang menjalankan siasatan lanjut berhubung kejadian lori yang merempuh 11 kenderaan di Tambak Johor.

“Kita melihat daripada pelbagai aspek bagi mencari punca kejadian dan juga pihak yang bertanggungjawab.

“Kita sudah membuat

serbuan di pejabat syarikat lori berkenaan untuk melihat rekod penyelenggaraan dan sebagainya dan kita dapati lori itu membawa muatan melebihi had dibenarkan,” katanya selepas membuat pemantauan penggunaan dron dalam penugasan Op Lancar di Jalan Tebrau di sini, pada Sabtu.

Menurut Kamarul Zaman, siasatan berhubung kes berkenaan masih dijalankan dan pihaknya akan memohon tempoh lanjutan reman apabila tempoh reman terhadap pemandu lori itu tamat.

Dalam kejadian kira-kira jam 9.25 pagi itu, sebanyak 11 kenderaan dirempuh lori dipandu seorang pemandu lori berusia 34 tahun yang didakwa hilang kawalan kerana mengalami masalah teknikal pada brek.

Kemalangan itu memabitkan lori, bas, van dan sembilan kereta.